

Unjam tingkat tangkapan ikan di Port Dickson

UM 9/10/24 Pg 34

POR T DICKSON: Bagi meningkat jumlah tangkapan ikan, sebanyak

103 unjam dilabuhkan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan di perairan Port Dickson pada tahun ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, langkah tersebut terbukti apabila unjam yang dilabuhkan pada bulan Jun lalu menyaksikan peningkatan ketara jumlah ikan yang ditangkap.

"Pada Jun lalu, 48 unjam dilabuhkan dan peningkatan yang ketara terhadap jumlah hasil pendaratan ikan di kawasan unjam kali pertama itu direkodkan pada bahan berkenaan oleh pemancing rekreasi yang mana kita anggarkan setiap satu unjam boleh menarik sekitar 100 kilogram ikan pada satu-satu masa.

"Ketika itu, pemancing rekreasi dapat menaikkan ikan seperti ikan Sagai seberat tujuh kilogram, ikan Giant Travelly (GT) atau ikan Gerepoh bersaiz tiga hingga empat kilogram dan ikan Tenggiri bersaiz empat kilogram selepas

beberapa jam memancing di kawasan unjam dilabuhkan.

"Kesemua ikan tersebut sukar untuk didaratkan di kawasan berkenaan sebelum ini," katanya pada Program myUnjam 2024 Bersama Komuniti Nelayan Bagan Pinang di Pengkalan Nelayan Bagan Pinang, di sini semalam.

Menurut beliau, sejumlah RM49,800 peruntukan pembangunan digunakan menerusi Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan bagi Perolehan Perkakasan dan Peralatan Peranti Pengumpulan Ikan (Unjam).

"Sebanyak 58 unit unjam termasuk lima daripadanya sumbangan syarikat Hengyuan Refining Company Berhad (HRC) dilabuhkan selain sebanyak 5,000 benih ikan merah turut dilepaskan bagi meningkatkan sumber perikanan sedia ada," katanya.

Menurut Kasim, program melabuh unjam dilaksanakan sejak tahun 2020 dalam usaha memperkuuh aktiviti perikanan pantai.



SEBANYAK 58 unit unjam dilabuhkan pada Program myUnjam 2024 Bersama Komuniti Nelayan Bagan Pinang di Pengkalan Nelayan Bagan Pinang, Port Dickson, semalam. - UTUSAN/NORAINNA HAMZAH